

# Rumusan MAPEN yang dipersetujui sepenuhnya saja akan diterima - PM

**K**UALA LUMPUR 8 Jun — Kerajaan akan hanya menerima pendapat Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN) sekiranya mereka boleh membuat rumusan yang dipersetujui sepenuhnya oleh kesemua anggota, kata Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, sekiranya majlis tersebut gagal mencapai satu rumusan dengan sokongan penuh ahli - ahli kerajaan terpaksa membuat satu kajian terperinci dan kemudiannya mengambil bahagian - bahagian tertentu sahaja daripada pandangan mereka dalam membentuk Dasar Baru Ekonomi Negara selepas 1990.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan demikian kepada anggota - anggota Barisan Nasional sebagai memperjelaskan sikap kerajaan mengenai keputusan

yang bakal diambil oleh MAPEN.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN selama lebih kurang tiga jam di ibu pejabat BN petang ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, ini tidaklah pula bermakna kerajaan tidak akan menerima langsung cadangan - cadangan MAPEN.

"Soalnya ialah kerajaan sedia menerima cadangan - cadangan MAPEN sekiranya mereka boleh membuat rumusan yang dipersetujui oleh semua anggotanya.

"Sebaliknya jika mereka gagal mencapai kata sepakat kerajaan perlu membuat beberapa kajian dan akan menggunakan bahagian - bahagian tertentu yang diputuskan oleh MAPEN untuk dijadikan dasar," tegas beliau.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, beliau memberi penjelasan ini kerana anggota - anggota komponen BN mahu mendapatkan pandangan kerajaan mengenai pendiriannya berhubung dengan keputusan - keputusan yang bakal dirumuskan oleh MAPEN.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, lain - lain perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat itu ialah soal pendirian kerajaan mengenai penarikan diri Berjasa dari menganggotai BN, soal pergolakan di China dan soal pentadbiran negara.

Katanya, penarikan diri Berjasa telah diterima sebulat suara oleh Dewan Tertinggi BN.

"Malah kita mengucapkan terima kasih kepada mereka kerana mengundurkan diri sebelum kita mengambil sebarang keputusan untuk memecat mereka kera-

na tidak menyokong BN serta menyokong tanduk - tanduk parti pembangkang," katanya.

Sambil menegaskan bahawa penarikan diri parti itu tidak sedikitpun menjejaskan kedudukan BN, Datuk Sri Dr. Mahathir menambah bahawa dalam pilihanraya umum 1986 mereka (Berjasa) telah menyokong Parti PAS di sebaliknya pengumuman tidak akan bertanding.

Menjawab satu soalan, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, Dewan Tertinggi BN tidak membincangkan langsung mengenai soal pilihanraya umum.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menegaskan calon BN untuk pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Teluk Pasu akan ditentukan oleh beliau sendiri kemudian.